

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL
[SEKIJANG]**

TARIKH : 14 September 2021 (Selasa)

SOALAN

PUAN HAJAH NATRAH BINTI ISMAIL [SEKIJANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme yang ada untuk pasangan asing rakyat Malaysia yang telah bercerai bagi mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak mereka yang berstatus warganegara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, hal ehwal berkaitan perkahwinan dan perceraian bagi pasangan bukan beragama Islam adalah ditadbir oleh Akta Membarui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 [*Akta 164*]. Apa-apa permohonan berbangkit daripada perceraian termasuklah kes tuntutan untuk mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak adalah terletak di bawah bidang kuasa Mahkamah Tinggi. Bagi pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing, permohonan tersebut boleh difailkan di Mahkamah Tinggi dengan syarat perkahwinan tersebut telah didaftarkan di Malaysia.

Input daripada Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia:

Bagi pasangan yang beragama Islam, permohonan untuk mendapatkan hak penjagaan bersama dan nafkah anak yang melibatkan pasangan warganegara Malaysia yang berkahwin dengan warganegara asing adalah berdasarkan kepada peruntukan Seksyen 4 Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan) 1984 [Akta 303] –

Seksyen 4. Pemakaian

Kecuali sebagaimana diperuntukkan dengan nyata selainnya, Akta ini terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Wilayah Persekutuan dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Wilayah Persekutuan tetapi tinggal di luar Wilayah Persekutuan.

Bahawa sesuatu tuntutan/permohonan kes di Mahkamah Syariah adalah berdasarkan kepada pemastautinan dan tempat tinggal pihak-pihak tanpa mengira status warganegara. Walau bagaimanapun sesuatu tuntutan/permohonan itu hendaklah dibuat selagi mana pihak-pihak berada di dalam negara ini kerana Mahkamah Syariah tidak mempunyai bidangkuasa untuk mendengar sesuatu tuntutan/permohonan yang difailkan luar dari negara ini.

Sekian, terima kasih.